

BULI SIBER DALAM KALANGAN PELAJAR PEREMPUAN SEKOLAH MENENGAH DI PULAU PINANG

Cyber Bullying Among Female Secondary School Students in Pulau Pinang

FATIM ALIA MOHD NOOR^{1*}

¹Jabatan Geografi & Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*Corresponding author: fatimalia21@gmail.com

Received: 20 March 2022 ; **Revised:** 26 April 2022 ; **Accepted:** 25 May 2022 ; **Published:** 25 June 2022

To cite this article: Mohd Noor, F. A. (2022). Cyber Bullying Among Female Secondary School Students in Pulau Pinang: Buli Siber dalam Kalangan Pelajar Perempuan Sekolah Menengah di Pulau Pinang. *GEOGRAFI*, 10(1), 72–98. <https://doi.org/10.37134/geografi.vol10.1.4.2022>

ABSTRAK Kajian ini bertujuan untuk memahami keterancaman buli siber dalam kalangan pelajar perempuan sekolah menengah di Pulau Pinang. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur terhadap tujuh orang pelajar perempuan yang pernah menjadi mangsa buli siber. Sampel kajian diperoleh menggunakan persampelan bola salji (snowball). Kaedah analisis tematik digunakan bagi mendapatkan segala data mengikut tema bagi mencapai objektif kajian. Terdapat enam tema yang diperoleh dari aspek keterancaman buli siber dalam kalangan pelajar perempuan iaitu hasutan maya, gangguan seksual dan sexting, sexual grooming, penggodaman akaun, penyisihan individu daripada sesuatu kumpulan dan penyebaran berita berbentuk provokasi. Dari segi kesan buli siber, kajian ini menunjukkan bahawa pelajar perempuan mengalami keyakinan diri rendah, gangguan emosi, pengasingan diri, gagal meluahkan perasaan, bunuh diri, kehilangan minat dan fokus dalam pelajaran, berisiko menjadi mangsa intipan dan menyalahkan diri sendiri. Bagi aspek langkah mengatasi buli siber, peranan pelbagai pihak seperti rakan sebaya, guru dan kerajaan amat penting. Kesimpulannya keterancaman dan kesan negatif yang dihadapi oleh mangsa buli siber menunjukkan mereka amat memerlukan bantuan daripada pelbagai pihak bagi menjamin keharmonian diri dan emosi mereka.

Kata kunci: Buli siber, pelajar perempuan, media sosial, Pulau Pinang

ABSTRACT This study aims to understand the threat brought by cyberbullying among female secondary school students in Penang. Qualitative methods via semi-structured interviews were used in this study. Adopting snowball sampling, seven female students who experienced cyberbullying were involved in this research. A thematic analysis method was used to analyze all the data and information obtained from the interview transcripts. Study data were analyzed and grouped according to themes to achieve the objectives of the study. There were six themes obtained from the threat aspect of cyberbullying, namely virtual incitement, sexual harassment and sexting, sexual grooming, account hacking, exclusion of individuals from a group, and the spread of news in the form of provocation. In terms of the effects of cyberbullying, this study showed that female students experienced low self-confidence, emotional disturbance, isolation, failure to express feelings, suicide, loss of interest and focus on lessons, and were at risk of becoming victims of spying and self-blame. The aspect of measures to overcome cyberbullying, the role of various parties such as peers, teachers, and the government is very important. In conclusion, the

threateness of cyberbullying and the negative effects faced by victims of cyberbullying show that they really need help from various parties to ensure their personal and emotional harmony.

Keywords: Cyberbullying, female students, social media, Pulau Pinang

1. Pengenalan

Perkembangan teknologi di Malaysia memperlihatkan penglibatan masyarakat yang sangat ketara terutamanya dalam kalangan kanak-kanak dan remaja dalam pelbagai aspek kehidupan mereka (Balakrishnan, 2015). Hakikatnya, kebergantungan remaja terhadap internet menyebabkan mereka mengalami gejala ketagihan internet dan berisiko untuk menjadi mangsa buli siber. Menurut kajian *National Health and Morbidity Survey (NHMS)* (2017), mendapati 85.6% remaja menggunakan internet dan 29% daripadanya mengalami ketagihan internet. Tambahan pula kebergantungan remaja terhadap internet dapat dilihat berdasarkan Laporan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada tahun 2017, di mana penggunaan internet yang paling tinggi dalam kalangan remaja adalah berdasarkan komunikasi dalam talian iaitu sebanyak 96.3%, mengikuti media sosial sebanyak 89.3%, mendapatkan maklumat sebanyak 86.9%, mendengar muzik secara dalam talian sebanyak 72.7%, menonton dan muat turun video sebanyak 70% dan mencari bahan pembelajaran secara dalam talian sebanyak 68.6% (Nurul Solehah & Zakiah, 2019). Disebabkan kadar penggunaan internet dan media sosial yang tinggi dalam kalangan remaja, menyebabkan sebahagian daripada mereka terdedah kepada buli siber.

Safiek Mokhlis (2019) mendapati buli siber merupakan antara bentuk gangguan yang paling kerap berlaku khususnya dalam kalangan remaja masa kini yang lahir dan hidup dalam dunia serba digital dan berteknologi. Berdasarkan Laporan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 2020, Malaysia berada di kedudukan kedua di Asia bagi kes buli siber selepas India dan tiga daripada 10 remaja di Malaysia pernah menjadi mangsa buli siber melalui media sosial (Berita Harian, 2022). Selain itu, menerusi kajian Zhu et al. (2021), mendapati kelaziman remaja menjadi mangsa buli siber yang paling kerap berlaku adalah di negara Sepanyol, Malaysia, Israel dan China. Malah kajian tempatan yang dilakukan oleh Yatiman Karsodikromo et al. (2020), mendapati buli siber dalam kalangan murid di Daerah Samarahan, Sarawak berada pada tahap tinggi iaitu sebanyak 60%. Kajian Lai et al. (2016), terhadap 1406 remaja di Malaysia pula, mendapati majoriti daripada responden pernah di buli siber di mana remaja Melayu merupakan golongan terbanyak mengalami masalah buli siber. Ini bermakna berdasarkan kajian dan statistik yang telah dikeluarkan menunjukkan bahawa remaja sangat terdedah kepada jenayah buli siber. Walaupun telah banyak kajian yang dilakukan untuk menjelaskan tentang buli siber dalam kalangan remaja di Malaysia seperti kajian Balakrishnan (2015), Lai et al. (2016), Che Hasniza (2018), Nur Azilah et al. (2021), dan Yatiman Karsodikromo et al. (2020), namun sedikit sahaja kajian yang memfokuskan kepada kajian kualitatif yang melibatkan pelajar perempuan sedangkan pelajar perempuan lebih berisiko menjadi mangsa.

Hal ini kerana, menurut Wan Hassan et al. (2015), remaja perempuan lebih kerap terlibat dalam jenayah buli siber berbanding remaja lelaki. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melihat sejauhmana keterancaman buli siber dalam kalangan pelajar perempuan berdasarkan pengalaman serta kesan yang dialami oleh mereka dengan lebih mendalam.

2. Kajian Literatur

2.1 Jenis Buli Siber

Menurut Balakrishnan (2015), buli siber berlaku dalam pelbagai bentuk misalnya menghantar kata-kata kesat melalui pesanan ringkas, email atau laman rangkaian media sosial, menyebarkan berita yang tidak sahih dan *sexting* iaitu menyebarkan gambar atau mesej berunsur lucah dengan niat untuk menakutkan dan mengaibkan mangsa. Manakala Thai et al. (2022), pula menyatakan bahawa kini buli siber telah berkembang menjadi pelbagai bentuk seperti budaya batal (*cancel culture*), *cyberstalking*, penyebaran berita berbentuk provokasi (*flaming*), hasutan maya (*trolling*), penyamaran dan sebagainya. Hal ini dapat dikukuhkan lagi melalui kajian Patchin dan Hinduja (2019), mengenai buli siber berbentuk *sexting* di mana ia merupakan tingkah laku yang semakin meningkat dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Amerika Syarikat. Hasil kajian mereka mendapati bahawa seramai 14% daripada responden melaporkan mereka menerima gambar berunsur lucah daripada pasangan kekasih mereka manakala 13.6% mengatakan menerima *sexting* daripada individu yang tidak dikenali.

Selain itu, pengantunan seksual dalam talian (*online sexual grooming*) juga merupakan salah satu daripada jenis buli siber yang kerap berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja perempuan. Dalam kajian Asmi Asmidar et al. (2018), menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan di antara kekerapan penggunaan media sosial dengan kerentanan terhadap pengantunan seksual dalam talian. Hal ini menunjukkan bahawa semakin kerap kanak-kanak menggunakan media sosial semakin mudah mereka untuk terdedah terhadap pengantunan seksual dalam talian. Seterusnya hasil kajian oleh Khairul Azhar et al. (2021), menunjukkan gangguan buli siber yang paling kerap dihadapi oleh mangsa khususnya wanita adalah diaibkan di media sosial iaitu sebanyak 38.3%, menerima komen memalukan dan berunsur penghinaan iaitu sebanyak 34.1%, menerima ugutan dan kejian, gangguan seksual sebanyak 30.8%, penggodaman sebanyak 20.3%, menjadi mangsa pengubahsuaian gambar peribadi iaitu sebanyak 15.5%, pernah dijadikan sebagai bahan gurauan dan jenaka di media sosial iaitu sebanyak 12.1% dan menjadi mangsa penyebaran video atau penulisan dikongsikan tanpa kebenaran 10.8%. Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian ini menunjukkan bahawa golongan wanita merupakan golongan yang paling berisiko untuk menjadi mangsa buli siber berbanding golongan lelaki.

Hal ini dibuktikan lagi dalam kajian Balakrishnan (2015), di mana kekerapan corak buli siber menunjukkan golongan wanita lebih tinggi risiko untuk dibuli siber berbanding lelaki iaitu 53.8% berbanding 46.2% malah golongan wanita juga mendakwa mereka kerap membuli seseorang berbanding golongan lelaki iaitu 53.8 % berbanding 46.2%.

2.2 Faktor Buli Siber

Kajian Azinura Hani dan Mohammad Rahim (2019), mendapati ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja dilihat sebagai punca wujudnya perlakuan buli siber. Hasil kajian mereka menunjukkan bahawa kebanyakan remaja tidak melihat penggunaan kata-kata kesat yang berunsur lucah dalam perbualan di talian sebagai satu kesalahan. Malah Hariyati (2019), turut menyatakan penggunaan ayat-ayat dan perkataan yang kurang sopan dan tidak berhemah ini semakin berleluasa menjadi perbualan santai dalam kalangan masyarakat khususnya remaja malah kebanyakan remaja beranggapan perkataan itu adalah satu bentuk komunikasi yang dilafazkan pada kawan rapat sahaja dan ianya dianggap sebagai gurauan.

Menurut Cankaya dan Tan (2011), faktor ketagihan internet mendorong kepada berlakunya buli siber. Individu yang kerap menggunakan internet kebiasaannya cenderung untuk menjadi pembuli atau mangsa buli siber. Kenyataan ini selari dengan hasil kajian Zhong et al. (2021), yang mendapati pelajar yang lebih banyak meluangkan masa untuk mengakses internet mempunyai keberangskalian untuk membuli atau dibuli. Tambahan pula menurut Morrissey (2010), kelonggaran dalam mencipta akaun baharu menyebabkan individu boleh mendapat akses kepada lebih daripada satu akaun dengan menggunakan pelbagai jenis "identiti" dan ianya membolehkan mereka melakukan jenayah buli siber seperti *trolling*. Terdapat beberapa faktor motivasi dalaman yang mendorong kepada perlakuan buli siber seperti membalas dendam, meluahkan perasaan, kesunyian, hasutan, perlindungan, cemburu, ingin diterima masyarakat atau mempamerkan keperibadian berbeza dalam dunia siber (Varjas et al., 2010). Faktor ini turut dinyatakan dalam kajian Suriana dan Khadijah Alavi (2019), di mana buli siber berlaku disebabkan oleh faktor seperti cemburu, menagih perhatian kawan media sosial, dan kapasiti 'jaguh' atau gangster dalam media sosial. Kebiasaannya pembuli cemburu terhadap penampilan, kemewahan atau tingkah laku mangsa sehingga bertindak untuk menjatuhkan mereka menerusi penyebaran berita palsu, fitnah atau kata-kata negatif di media sosial (Redzuan, 2022). Bukan itu sahaja, berita sebegini kebiasaannya akan menjadi tular sehingga menyebabkan mangsa mengalami tekanan perasaan. Dalam kajian Mohd Mokhtarishah dan Hasmadi (2021), sesuatu yang sudah diviralkan dan apabila dikongsi di media sosial mampu mencetuskan buli siber dengan komen-komen yang panas tanpa limitasi sehingga boleh menjatuhkan reputasi seseorang.

2.3 Kesan buli siber

Menurut Wan Hassan et al. (2015), fenomena buli siber memberi kesan yang sangat negatif kepada mangsa terutamanya dari sudut psikologi. Hal ini kerana ia dapat mempengaruhi emosi mangsa buli hingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan, kemurungan, ketakutan dan kemarahan. Selain itu, mangsa buli siber juga mempunyai harga diri lebih rendah, tahap kemurungan yang tinggi, masalah tingkah laku, penyalahgunaan bahan dan mengalami masalah dalam kehidupan malah seterusnya mengakibatkan tingkah laku bunuh diri. Melalui kajian Suriana dan Khadijah Alavi (2018), mengenai impak buli siber dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), mendapati kesan buli siber dapat dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu kesan dari segi emosi, fizikal dan psikologi di mana kesan buli siber terhadap emosi mengakibatkan mangsa mengalami gangguan dan tekanan emosi seperti berasa sedih, kecewa dan marah sehingga menjejaskan kesihatan fizikal mangsa. Kesan dari segi fizikal mengakibatkan aktiviti harian mangsa terjejas seperti kurang bersosial, mengalami masalah gangguan sukar tidur, tidak lalu makan dan seterusnya sehingga boleh menjejaskan prestasi pembelajaran mangsa. Manakala kesan dari sudut psikologi dilihat apabila mangsa mengatakan bahawa mereka mengalami masalah gelisah, gangguan tidur, kemurungan dan keinginan untuk membunuh diri.

Menurut Suleyman Akcil (2018), mangsa buli siber yang mengalami tekanan emosi yang serius tidak dapat menumpukan perhatian kepada pembelajaran mereka seterusnya mengakibatkan pencapaian akademik semakin terjejas. Selain itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Farhangpour et al. (2020), mendapati kesan buli siber terhadap akademik pelajar menunjukkan sebanyak 53% pelajar mula ponteng sekolah, 11% mengubah tingkah laku mereka iaitu mengabaikan tugas sekolah dan menyertai kumpulan samseng untuk mengurangkan risiko dibuli. Selain itu, sebanyak 32% daripada mangsa buli siber tidak suka hadir ke sekolah dan 34% bertindak untuk berhenti dari sekolah malah sebanyak 41% pelajar menyatakan bahawa gred akademik mereka semakin terjejas disebabkan oleh kesan buli siber dan 35% mangsa buli siber terpaksa mengulang gred. Mangsa buli siber cenderung untuk melakukan tindakan di luar kawalan sehingga ke peringkat bunuh diri. Patchin dan Hinduja (2010), berhujah bahawa mangsa buli atau buli siber dua kali ganda berkemungkinan memilih untuk membunuh diri berbanding dengan remaja yang tidak pernah mengalami kedua-dua bentuk pembulian tersebut. Tekanan yang dihadapi menyebabkan keinginan mangsa untuk melakukan tindakan bunuh diri semakin meningkat. Selain itu, menurut Nurfazira dan Muhammad Adnan (2019), individu yang gemar berkongsi gambar dan mengikuti banyak orang di *Twitter* juga tidak akan terlepas daripada di ancam risiko jenayah siber. Berdasarkan dapatan kajian, perkongsian gambar dan lokasi yang telah dibuat di *Twitter* memudahkan mangsa dijejaki dan diintip penjenayah. Selain itu, risiko untuk menjadi mangsa intipan sehingga ke kehidupan seharian juga mungkin berlaku dan hal ini mampu mengancam keselamatan individu terbabit. Hal ini dapat dibuktikan menerusi kajian Zaiton dan Wan Rasalili (2018) yang mendapati bahawa faktor utama ancaman pengintipan siber adalah apabila mangsa gemar berkongsi maklumat peribadi dalam talian dan mempunyai akses tanpa had dalam penggunaan internet.

Kepelbagaian risiko untuk mangsa *cyberstalking* juga turut dijelaskan dalam kajian Perry (2012) yang mendapati bahawa pengintip siber dapat menjejaki lokasi mangsa melalui jejak digital seterusnya melakukan serangan fizikal atau pembunuhan. Selain itu, kebocoran maklumat peribadi dan data, kecurian identiti serta penggodaman akaun boleh berlaku kepada mangsa (Perry, 2012).

2.4 Langkah Mengatasi Buli Siber

Langkah pencegahan mengenai jenayah buli siber telah dihuraikan dalam kajian Safiek Mokhlis (2019), di mana peranan individu itu sendiri amat penting untuk mengelak daripada menjadi mangsa buli siber. Hasil kajian menunjukkan, terdapat beberapa cadangan yang diberikan oleh sampel kajian seperti tidak memberi sebarang respon terhadap ulasan pembuli, menyekat pembuli dan kurangkan memuat naik ulasan atau menyiarkan foto yang boleh mengundang ulasan negatif bagi mengelakkan diri daripada dibuli.

Pengkajian terhadap tingkah laku mangsa buli siber untuk mendapatkan bantuan (*help seeking behavior*) dilihat melalui kajian Noll (2016) di mana salah satu langkah yang diambil oleh mangsa buli siber bagi membantu mengatasi masalah dibuli adalah melalui cara mendapatkan sokongan. Dalam kajian Brandau dan Davis (2018), menjelaskan bahawa kebanyakan mangsa akan mendapatkan sokongan semasa menghadapi masalah buli siber kerana tidak mampu untuk mengendalikan perasaan seorang diri. Mangsa buli siber cenderung untuk mendapatkan bantuan daripada rakan sebaya seperti mana yang dinyatakan dalam kajian Abaido (2020), sebanyak 60.5% sampel kajian lebih suka berkongsi masalah buli siber dengan rakan sebaya daripada memberitahu ahli keluarga. Kajian Smith et al. (2008), turut menyokong bahawa kebanyakan daripada mangsa buli siber akan mendapatkan bantuan daripada rakan sebaya berbanding ibu bapa atau penjaga, serta sebilangan kecil mangsa buli siber akan memberitahu guru.

Strategi dan intervensi dalam menangani buli siber dapat dilihat dalam kajian Md Noor dan Mapatan (2020) dimana pelbagai langkah produktif yang disarankan melibatkan peranan pelbagai pihak terutamanya masyarakat, ibu bapa, institusi dan pihak kerajaan. Bagi membendung kes penularan buli siber, masyarakat disarankan untuk mengawal penyebaran kandungan bahan berunsur negatif terutamanya di laman rangkaian media sosial di samping memberi kesedaran kepada golongan remaja mengenai ancaman buli siber. Selanjutnya, pihak institusi digalakkan untuk mengambil tindakan tegas ke atas pembuli siber. Manakala pihak kerajaan dicadangkan untuk mengkaji semula undang-undang berkaitan jenayah siber dari masa ke semasa mengikut tahap ancaman global. Menurut Nurulhuda et al. (2021), walaupun Malaysia memiliki badan berkuasa yang diatur khusus untuk melindungi, mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai masalah jenayah yang berkaitan dengan internet, tetapi ada kelompondan dalam undang-undang berkaitan jenayah buli siber terutama mengenai perlindungan. Walau bagaimanapun, menerusi kajian Muhammad Adnan dan Siti Zobidah (2019), mendapati perlindungan dan bantuan dari pihak kerajaan sudah diwujudkan.

Berdasarkan dapatan kajian mereka, informan sedar bahawa terdapat pihak yang boleh menerima aduan dan memberi bantuan sekiranya menghadapi masalah jenayah siber seperti pemalsuan akaun laman rangkaian media sosial. Selain itu, ibu bapa dan penjaga digalakkan untuk mengawasi penggunaan internet dalam kalangan remaja dengan cara menetapkan had penggunaan internet dan mendidik mereka mengenai tingkah laku dan etika dalam talian, serta mewujudkan kepercayaan anak-anak dalam berkongsi masalah dengan ibu bapa (Md Noor & Mapatan, 2020).

3. Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami dan mendalami pengalaman mangsa buli siber dalam kalangan pelajar perempuan sekolah menengah, kesan yang dihadapi oleh mereka serta langkah untuk mengatasi buli siber dalam kalangan mangsa. Bagi mencapai tujuan kajian yang digariskan reka bentuk kajian kualitatif dengan melakukan temu bual separa berstruktur telah digunakan. Dari segi subjek pula kajian ini melibatkan pelajar perempuan sekolah menengah di negeri Pulau Pinang. Namun lokasi kajian ini tidak dinyatakan secara terperinci bagi memenuhi kerahsiaan dan melindungi keselamatan peserta kajian disebabkan isu yang ingin dikaji dan dibincangkan ini melibatkan isu yang sensitif.

Sampel kajian yang dipilih adalah terdiri daripada tujuh orang pelajar perempuan sekolah menengah yang berumur 13 tahun hingga 17 tahun yang mempunyai pengalaman sebagai mangsa buli siber. Kaedah persampelan yang diguna dalam kajian adalah kaedah persampelan bola salji (*snowball*) di mana kaedah ini amat sesuai untuk mendapatkan peserta kajian yang sukar didapati oleh pengkaji. Pengkajian ini memfokuskan kepada pengumpulan maklumat melalui kaedah temu bual separa berstruktur berpanduan kepada soalan temu bual yang telah dibina. Temu bual jenis ini membolehkan *probing* dilakukan, untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Sebelum temu bual dijalankan, pengkaji telah mendapatkan kebenaran secara bertulis dan lisan daripada peserta kajian. Proses temu bual dilaksanakan menerusi aplikasi *WhatsApp* lantaran wujudnya kekangan untuk menjalankan temu bual secara bersemuka akibat penularan wabak Covid-19. Seterusnya maklumat temu bual kemudian ditranskripsi dan dianalisis menggunakan kaedah tematik secara manual.

4.0 Dapatan Kajian

4.1 Ancaman Buli Siber terhadap Pelajar Perempuan

4.1.1 Hasutan Maya

Hasutan Maya atau *Troll* seringkali berlaku dalam setiap laman rangkaian media sosial diseluruh dunia. Menurut Mohd Anuar dan Nadia Salwa (2019), *troll* dilakukan untuk menyakitkan hati individu yang menjadi mangsa selain dilakukan untuk keseronokan

diri semata-mata. Isu-isu yang kerap dijadikan hasutan maya atau *troll* adalah isu-isu berkaitan sindir badan, gurauan dan sindiran melalui perkataan kasar dan kesat untuk mewujudkan provokasi kepada mangsa. Terdapat peserta kajian menyatakan hasutan maya yang diterima adalah berbentuk penghinaan terhadap rupa fizikal dengan mengatakan dirinya gemuk dan tidak cantik setelah dia memuatnaik foto di laman rangkaian media sosial. Kutukan dan kecaman terhadap wajah juga turut diterima oleh peserta kajian melalui perkataan berunsur sindiran misalnya tona kulit wajah tidak sekata, tidak cantik dan buruk sehingga memberi kesan kepada keyakinan diri mangsa. Perkara ini menunjukkan bahawa individu yang gemar memuat naik gambar diri sendiri di rangkaian media sosial berisiko untuk menjadi mangsa buli siber seperti sindir badan iaitu perbuatan menghina bentuk rupa dan fizikal mangsa. Menurut Anis, Solehah, Aina dan Dini:

Macam orang ejek gemuk, tak cantik, macam tu la. Dekat ruang komen gambar yang saya upload. (Anis)

Diorang still ejek saya, diorang cakap ingat elok ka buat macam tu? Muka putih tangan hitam, kurik. Bahasa depalah agar kasar, act muka saya cerah dari tangan. And saya ada tanda lahir dekat muka, diorang ejek tula. (Solehah)

Haritu saya ada post gambar kat instagram pastu ada orang komen kata saya tak cantik laa, tak lawa laa, asyik pakai filter la. (Aina)

Orang komen cakap tak cantik, muka buruk centu (Dini)

Gaya pemakaian merupakan salah satu faktor berlakunya hasutan maya terhadap peserta kajian. Menurutnya, pembuli mengkritik foto yang dimuat naik di laman rangkaian media sosial dengan mengatakan gaya pemakaiannya selekeh dan tidak menarik sehingga menimbulkan provokasi yang boleh mencetuskan pergaduhan antara pembuli dan peserta kajian. Dapatan kajian ini dapat disokong oleh kajian Mohd Mokhtarishah dan Hasmadi (2021), yang mendapati buli siber kadangkala bermula sekadar lawak jenaka sahaja sebagai hiburan ringan semata-mata untuk menghilangkan tekanan, namun membabitkan unsur-unsur penghinaan, fitnah dan cacian, ia langsung memberi impak negatif kepada imej individu dan komuniti. Menerusi kajian Morissey (2010), pengguna yang terlibat dalam tindakan troll kebiasaannya akan menulis dan menyebarkan berita palsu untuk menimbulkan tindakan negatif daripada mangsa bahkan membuatkan mangsa kelihatan bodoh dan beremosi dengan aktiviti troll yang disebarkan. Menurut Yana:

Fatim: Haah boleh dikira tu kritikan juga. Kenapa awak ada terima juga ke kritikan?

Yana: Ada la kenalan kenalan kat sekolah yang selalu cakap saya selekeh. Terasa jugak kadang kadang.

4.1.2. Gangguan Seksual dan Sexting

Umumnya gangguan seksual kerap berlaku secara fizikal, namun kini ianya mula menular di alam maya. Hasil daripada temu bual mendapati gangguan seksual yang diterima oleh peserta kajian berlaku di laman rangkaian media sosial dan melalui permainan atas talian. Menurut peserta kajian, pembuli menggunakannya sebagai tempat untuk melampiaskan nafsu dengan berbual menggunakan perkataan lucah. Selain itu, dirinya turut diugut oleh pembuli untuk memutuskan persahabatan antara mereka sekiranya dia tidak menghantar gambar yang berunsurkan ponografi kepada pembuli. Peserta kajian turut menerima ugutan secara seksual dimana pembuli dan rakannya mengugut untuk merogol malah menyatakan mereka seolah-olah dapat berimajinasi mengenai bentuk fizikal mangsa. Terdapat peserta kajian mendakwa bahawa pembuli tersebut menyapa dan mengajaknya untuk berbual tentang perkara-perkara yang berunsur lucah serta melayani nafsunya semasa mereka melayari permainan atas talian sehingga menyebabkan peserta kajian tidak selesa. Menurut Solehah dan Alin:

Fatim: Benda apa yang paling teruk sekali dia pernah cakap?

Solehah: Dia nak gambar badan saya, and nak rape. End up mental saya pon rosak. Haha. Ha lepastu dia ada kawwan dia. Tapi laki tu dah besarlah 21 maybe, dia cakap body saya cantiklah. Macam nak buat tula.

Fatim: Kalau awak tak kisah, boleh awak kongsikan pasal benda tu tak?

Alin: Dia cakap nak teman saya melancap takk? Saya pun geli bila baca.

Selain itu, terdapat juga peserta kajian yang menyatakan pembuli menghantar gambar yang berunsurkan ponografi menggunakan pesanan di laman rangkaian media sosial Instagram. Berdasarkan pengalaman peserta kajian, pembuli tersebut memulakan perbualan yang berunsurkan lucah dan turut menghantar gambar kemaluannya. Kemudian, pembuli meminta untuk saling bertukar gambar berunsurkan ponografi antara mereka. Berdasarkan pengalaman peserta kajian menerima gambar lucah dari pembuli boleh dikatakan ia adalah buli siber berbentuk *sexting*. Melalui kajian Patchin dan Hinduja (2019), menyatakan *sexting* adalah penghantaran atau penerimaan imej atau video yang tidak senonoh berunsurkan seksual atau lucah melalui telefon pintar. Dalam kajian ini turut menyatakan pelajar perempuan lebih berkemungkinan untuk menghantar gambar atau video berunsur pornografi (*sexting*).

Fatim: Boleh tak share dia cakap yang bukan-bukan tu macam mana?

Yana: Dia cakap "you open minded tak? Jom kita exchange gambar nudes. you send gambar you, i send gambar i".

Fatim: Yang tu nampak badan jela kan.

Yana: Nampak jugak private part dia, dia tak tunjuk badan pun.

Hasil temu bual bersama peserta kajian dapat dikatakan bahawa gangguan seksual merupakan satu tindakan negatif yang boleh menyebabkan mangsa berasa tidak selesa dan marah atas perbuatan tersebut. Pernyataan ini disokong oleh Mohd Azrin dan Nurul Fatimah (2020), yang menyatakan gangguan seksual di media sosial kebiasaannya berbentuk komen atau menerima mesej yang agak mengganggu pengguna. Mesej-mesej yang tidak sopan atau berunsur lucah mewujudkan rasa tidak selesa kepada pengguna media sosial yang menjadi mangsa kepada pelaku seksual ini.

4.1.3 *Sexual Grooming*

Sexual Grooming biasanya melibatkan eksploitasi ke atas wanita, gadis dan kanak-kanak tanpa sentuhan fizikal daripada penjenayah. Menurut Craven et al. (2007), terdapat satu proses pergantungan seksual yang dilakukan oleh penjenayah yang mana mereka akan mempersiapkan kanak-kanak dan persekitarannya sebelum penderaan berlaku termasuklah mendapatkan akses kepada kanak-kanak, mendapatkan kepercayaan daripada kanak-kanak dan memastikan kerahsiaan agar perbuatan mereka tidak terdedah. Proses ini dilakukan sebelum penjenayah dapat memanipulasikan pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak sebagai mangsa seksual. Hasil kajian dapat disokong melalui kajian Kloess et al. (2019), mendapati terdapat beberapa peringkat *sexual grooming* iaitu pembuli akan memulakan perbualan berbentuk pujian misalnya “awak sangat cantik dan mempersonakan” dan seterusnya beralih kepada topik berunsur lucah seperti menunjukkan ekspresi rangsangan dan imaginasi seksual. Dapatan ini dapat disokong oleh pernyataan Azianura dan Mohammad Rahim (2019), dimana pembuli memulakan serangannya dengan menjalin hubungan persahabatan atau cinta dengan mangsa sebelum mempengaruhi mangsa untuk mendedahkan tubuh mereka melalui kamera web atau menghantar gambar-gambar tertentu.

Sexual grooming yang diterima oleh peserta kajian adalah melalui aplikasi sembang iaitu WhatsApp. Mengikut pengalaman peserta kajian, individu yang dikenali sebagai “teman rapat”, sering kali mencuba menarik perhatian peserta kajian untuk terlibat dalam perbualan lucah dan memujuk mangsa untuk melakukan seks secara realiti. Hal ini mengakibatkan peserta kajian terpengaruh dengan perbualan tersebut dan menyebabkan dirinya mengalami ketagihan terhadap perbualan yang berunsur lucah. Baginya, perbualan itu sudah dianggap sebagai perbualan biasa dan ianya tidak salah. Bertepatan dengan kajian Asmi Asmidar et al. (2018), mendapati dalam proses pengantunan seksual, penjenayah akan mendedahkan kanak-kanak kepada aktiviti seksual dan merasionalkan tingkah laku seksual sebagai suatu perkara yang biasa serta mengajar tentang tingkah laku seks. Menurut Syaza:

Fatim: Boleh awak kongsi kan?

Syaza: Boleh, pengalaman buruk saya dari WhatsApp, saya jumpa seorang lelaki dalam WhatsApp. Kami ber kawan chat setiap hari, dan lama lama saya dah sesat, dan cuba cuba sembang hal lucah.

Fatim: Dia sembang lucah saja ka?

Syaza: Bila dah start tu dia macam ketagih lah, dah pandai sembang sembang macam tu.

4.1.4 Penggodaman Akaun

Kegiatan menggodam merujuk kepada individu atau organisasi yang cuba mengakses sistem komputer, rangkaian atau sumber data yang tidak mempunyai persetujuan daripada pemilik atau pengendali sistem (Gennaro & Jefferey, 2015). Berdasarkan pengalaman, peserta kajian mengetahui akaun Instagram miliknya digodam selepas melihat notifikasi dari email yang menyatakan terdapat individu yang cuba mengakses masuk kedalam akaunnya beberapa hari yang lalu namun dirinya berjaya menukar kata laluan yang baharu. Menurut Alin:

Fatim: Baiklah Alin, awak pernah terima pengalaman buruk tak di media sosial? Jika ada boleh awak ceritakan?

Alin: Akaun instagram kene hack. Mula-mula dah dapat dah notification dari email yang ada orang cuba log in account instagram, tapi time tu saya baca notification tu gitu gitu je macam tak amik kesah sangat. Lepastu dalam beberapa hari lepas tu baru tergerak hati nak bukak semua notification tu pastu tengok tengok ada orang nak hack account instagram. So saya cepat cepat la tukar password lain. Nasib baik yang hack tu takbuat apa apa yang tak elok.

4.1.5 Penyisihan individu daripada sesuatu kumpulan

Umumnya, penyisihan merupakan satu tindakan individu atau kumpulan menyisihkan seseorang daripada komuniti tertentu secara fizikal dan secara maya melalui medium sosial secara sengaja bagi tujuan memalukan atau menyakiti perasaan individu tersebut. Dalam istilah moden, penyisihan dipanggil sebagai *cancel culture* atau boikot yang mana seseorang dikecualikan daripada kumpulan professional atau sosial sama ada atas talian atau secara peribadi (Cheng et al., 2021). Peserta kajian menyatakan dirinya disisihkan oleh kumpulan rakan-rakannya di aplikasi WhatsApp di mana ianya berlaku semasa pelaksanaan Pembelajaran dan Pengajaran di rumah (PdPR). Peserta kajian disisihkan oleh rakan-rakannya apabila dia menghantar pesanan ringkas di "Group WhatsApp" mengenai tugas sekolah, namun rakan-rakannya tidak mengendahkannya walhal mereka masih aktif melayari media sosial ketika itu. Perkara ini mengakibatkan peserta kajian menyalahkan dirinya sendiri sehingga rakan-rakan menyisihnya. Hal ini bertepatan dengan kajian Kowalski et al. (seperti dirujuk dalam Aoyama et al., 2010) menyatakan remaja mempunyai keperluan yang kuat untuk dimiliki dan diterima oleh rakan sebaya mereka, jadi apabila remaja di buli oleh rakan sebaya secara tidak langsung dapat memberi kesan kepada psikologi mereka seperti kemurungan.

Fatim: Haa buli tapi kat platform elektronik la. Awak biasa kena ke?

Yana: Tahun lepas kan banyak kelas online ja so jarang dapat jumpa kawan. Selalu jugak la saya chat kawan kawan, tapi depa tak pernah reply pun. Buat story instagram, status whatsapp boleh pulak tapi chat saya tak depa tak pernah reply.

Dalam sebulan jugak, so saya macam tertanya tanya jugak la saya buat salah apa kat depa sebab depa macam takmau kawan ja dengan saya.

4.1.6 Penyebaran Berita berbentuk Provokasi (Flaming).

Berdasarkan pengalaman peserta kajian, pembuli tersebut memuat naik dan menyebarkan videonya menari tarian *Kiki Challenge* di laman rangkaian media sosial iaitu di "status" *WhatsApp* milik mereka. Peserta kajian turut menyatakan faktor video tersebut semakin tular dan diketahui umum adalah disebabkan gurunya yang mula-mula melihat telah menyebarkan berita tersebut di sekolah. Rentetan daripada itu, pembuli mula menyebarkan video dan meletakkan komen atau kapsyen yang berbentuk provokasi misalnya sindiran sehingga menimbulkan perasaaan marah dan ingin membalas dendam terhadap pembuli. Menurut Solehah

Fatim: Kalau yang viral video awak tu kan. Awak kenal ke sapa orang tu?

Solehah: Ingat kak, semua yang pernah kata kat saya tu ingat, saya start ada trust issues dari cikgu tula and sekarang anger issues saya terok jugak. Time tu saya macam nak hentak ja kepala diorang, tapi saya macam jangan saya still budak kelas depan jangan tunjuk bukannya bukannya.

Fatim: Depa letak caption apa?

Solehah: Maybe something macam perlu la diorang letak emoji laughing. Lepastu kata ingat elok ka.

4.2 Kesan Buli Siber

4.2.1 Keyakinan Diri Rendah

Tahap keyakinan diri yang rendah merupakan kesan yang sering dialami oleh mangsa buli siber. Hasil kajian mendapati pengalaman peserta kajian menerima kecaman mengenai rupa fizikal menyebabkan dia tidak mempunyai keyakinan diri untuk memuat naik gambar ke laman rangkaian media sosial. Buli siber juga menyebabkan peserta kajian kurang yakin untuk bergaul dengan orang sekeliling dan ingin mengasingkan diri di rumah. Penetapan sebagai *close friend* telah dipilih oleh peserta kajian dalam laman rangkaian media sosial dimana hanya keluarga atau kenalan rapatnya sahaja dapat melihat gambar yang dimuat naik olehnya malah turut menyekat (*Unfollow*) akaun milik pembuli. Terdapat peserta kajian menyatakan dirinya tidak yakin untuk bergaul dan bertindak untuk menjauhkan diri dengan rakan (pembuli) kerana ingin mengelakkan dari menerima kecaman daripada mereka. Menurut Anis, Aina dan Dini:

Anis: Sumpah waktu dapat komen macam tu rasa nak terus deactivate akaun. Lepas cerita kat kawan rapat, dia yang bagi kata kata semangat apa semua. Sejak haritu saya memang takdak keyakinan dah nak upload gambar walaupun gambar ramai ramai dengan kawan.

Aina: Pengalaman orang duk shamming ni ganggu saya bergaul dengan orang sebab rasa tak yakin. Tapi kak bukan selalu laa. Kadang-kadang sahaja kak. Saya jadi kurang nak post gambar kat sosial media. Kalau saya nak post pun saya akan pilih kenalan rapat atau family terdekat saja. Kurang post macam sebelum ni.

Dini: Saya jadi kurang yakin. Banyak jauhkan diri dengan orang yang mengganggu saya.

4.2.2 Gangguan Emosi

Mangsa buli siber kebiasaanya akan mengalami kesan negatif dalam diri mereka misalnya gangguan emosi. Ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Wan Hassan et al. (2015), mengenai kesan buli siber telah mempengaruhi emosi mangsa buli sehingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan, kemurungan, ketakutan dan kemarahan. Hal ini selari dengan dapatan Goebert et al. (2011), bahawa buli siber boleh mengakibatkan tekanan emosi, kemurungan, kebimbangan dan keinginan untuk membunuh diri. Kebanyakan peserta kajian menyatakan bahawa buli siber menyebabkan mereka mengalami gangguan emosi misalnya berasa sedih, marah dan malu. Hasil kajian menunjukkan terdapat peserta kajian bertindak untuk memadamkan kesemua komen berbentuk penghinaan terhadap rupa fizikalnya kerana malu. Terdapat juga peserta kajian yang berasa sedih dan akan menangis apabila mengingati kembali pengalaman tersebut dan ianya jelas menunjukkan peserta kajian mengalami trauma dengan hal itu. Penyataan ini disokong oleh kajian Suriana dan Khadijah Alavi (2018), di mana buli siber boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada emosi mahasiswa kerana mereka yang dibuli di alam siber selalunya mempunyai perasaan rendah diri yang tinggi, malu dan tertekan dengan situasi yang berlaku. Bagi peserta kajian yang seterusnya menyatakan perasaannya sukar untuk diekspresikan dan tidak dapat diungkapkan kerana ketika itu peserta kajian belum menyedari dirinya dibuli siber. Namun, kini perasaan tidak puas hati dan marah mula timbul setelah menyedari bahawa dirinya masih dibuli walaupun hal tersebut sudah lama berlalu. Berikut merupakan petikan peserta kajian:

Fatim: Perasaan awak masa tu macam mana?

Saya sedih la sebab dapat komen yang macam tu. Marah pun ada. Saya tak balas pun komen tersebut. Saya terus padam komen tersebut. Ha ah. Malu la, tambah kalau orang lain ternampak komen macam tu. Kawan baik saya je yang tahu. Saya tak cerita dekat orang (Anis)

Fatim: Kerap macam mana? Hari-hari ke? Atau setiap kali teringat baru nangis?

Tiap kali teringat baru nangis dan agak tertekan (Dini)

Fatim: Perasaan awak masa tu macam mana?

Entahlah masa saya form 1, saya macam takboleh nak ungkapkan lagi feeling tu macam lantaklah saya nak main je and kalau sekarang saya memangla betul betul rasa tak puas hati, kenapa diorang still nak cakap benda tu even though dah berbulan bulan. Yelah, dia macam wuish teruknya kena judge (Solehah)

Pengalaman disisihkan dari kumpulan *WhatsApp* menyebabkan peserta kajian berasa tertekan dalam pelajaran dan menjelaskan ianya bermula semasa dia menanyakan soalan berkenaan tugas sekolah. Manakala terdapat peserta kajian menyatakan bahawa emosinya terganggu dan keliru mengapa dirinya menjadi mangsa gangguan seksual malah kurang senang apabila mengingati kembali perkataan lucah yang diterima daripada pembuli. Selain itu, peserta kajian turut menyatakan bahawa dirinya mengalami tekanan apabila akaun *Instagram* digodam berkali-kali oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Menurut Yana dan Alin:

Fatim: Stress kenapa?

Yana: Saya stress mostly sebab akademik ja la, pastu yang masa online class haritu ada kawan kawan palau saya bila saya tanya pasal homework. Jadi stress sebab saya tak berapa pandai sangat, nak discuss dengan kawan kawan, kawan kawan boleh pulak seen ja tak reply pun.

Fatim: Tak ganggu emosi awak sangat la kan?

Alin: Kalau emosi mengganggu sebab saya fikir kenapa jadi benda ni dekat saya lagi lagi pasal kata kata tu. Kalau hack tu buat saya serabut.

4.2.3 Pengasingan Diri

Pengasingan diri daripada masyarakat merupakan salah satu kesan perbuatan buli siber yang dialami oleh peserta kajian. Menurut peserta kajian, sejak daripada menjadi mangsa buli siber, dia kurang berkomunikasi dan lebih selesa melakukan hal secara bersendirian. Hal ini berlanjutan sehingga kini malah menyebabkan peserta kajian menghadkan pergaulannya dengan rakan-rakan dan sering menjadikan dirinya seolah-olah tidak wujud apabila bersama mereka. Bukan itu sahaja, buli siber menyebabkan peserta kajian mengalami masalah tekanan yang mengakibatkan dirinya sukar mempercayai orang sekelilingnya. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Simon (2017), yang mendapati, pengalaman menjadi mangsa buli siber menyumbang kepada isu kesihatan dan masalah sosial. Menurutnya lagi, remaja yang dilabel negatif oleh rakan sebaya mereka cenderung untuk kekal negatif sepanjang hidup mereka dan hal ini secara tidak langsung mengganggu cara mereka untuk bersosial dengan orang lain kerana mereka cenderung untuk mengingati pengalaman buruk semasa dibuli siber.

Pengasingan diri yang dilakukan oleh peserta kajian adalah menghadkan jumlah pengikutnya di laman rangkaian media sosial dimana sebelum ini pengikutnya berjumlah 2,000 orang berkurang kepada 50 orang pengikut sahaja. Menurut Solehah:

Fatim: Kan, awak dah kena macam macam kat sosial media ni. Kena kecam/viral pasal video kiki challenge tu. Benda ni ganggu tak cara awak bergaul dengan orang lain?

Solehah: Iyaa. Saya dah tak bercakap dengan orang. Saya dah suka buat something alone. Lagi alone saya buat memang nak bercakap tu benda penting ja. Sebabkan benda benda ni tersekat. Saya memang tak bergaul sampai sekarang, sosial sangat pon dah tak, ada kawan sekarang pon 3 orang ja. Saya buat macam saya ni nonsexist.

4.2.4 Gagal Meluahkan Perasaan

Gagal meluahkan perasaan merupakan kesan yang dialami oleh peserta kajian akibat daripada pengalaman buli siber. Peserta kajian menyatakan dirinya sukar untuk meluahkan serta mengekspresikan perasaannya terhadap orang sekeliling terutama gurugurunya. Hal ini kerana peserta kajian bimbang dan trauma sekiranya masalah yang dikongsi kepada seseorang individu kemudiannya akan disebarkan kepada umum seperti mana yang pernah dihadapinya sebelum ini. Oleh itu, bagi meredakan emosi dan perasaan, peserta kajian sering mendengar muzik khususnya apabila dirinya berasa sunyi. Menurut Solehah:

Fatim: Kalau dari segi emosi pun takdak yang bantu awak ka?

Solehah: Nope. Ada ada lagu. Saya dengar malam malam kalau lonely. Saya tak pandai express feeling.

Fatim: Awak terfikir tak nak jumpa kaunseling? Sekolah ke atau mana mana la.

Solehah: Kenal cikgu Fazil? Dia pernah suruh saya cerita masalah saya dekat dia. Fuh memang takla dalam sekolah saya sendiri taktau nak cakap apa. Saya diam. Lagi lagi dia tanya.

4.2.5 Bunuh Diri

Peserta kajian menyatakan bahawa dirinya mengalami tekanan sehingga bertindak untuk membunuh diri dengan terjun dari bangunan sekolah, namun tindakan itu sempat dihalang oleh rakan-rakannya. Menurut pengalaman peserta kajian, kesan buli siber tersebut masih berlarutan sehingga sekarang dimana dirinya mengalami tekanan sehingga mengganggu waktu makan dan tidur malah peserta kajian kerap menangis pada waktu malam. Sepertimana yang dijelaskan dalam kajian Suriana dan Khadijah Alavi (2019), mangsa buli siber cenderung untuk hilang selera makan, insomnia sehingga berlakunya gangguan perhubungan sosial di mana tidak mahu berjumpa dengan orang lain.

Seterusnya tekanan yang dialami menyebabkan berlaku perubahan terhadap fizikal peserta kajian iaitu berubah menjadi kurus dari sebelumnya. Bukan itu sahaja, peserta kajian turut menyiksa fizikal dengan cara mengambil makanan yang tidak berkhasiat seperti mi segera dan air bikarbonat.

Keinginan untuk membunuh diri juga muncul apabila peserta kajian kerap memikirkan dan mempersoalkan mengapa dirinya perlu menghadapi masalah tersebut sehingga menimbulkan keresahan dalam diri peserta kajian dan merasakan dirinya tidak berguna. Peserta kajian juga menjelaskan bahawa dirinya mengambil ubat-ubatan seperti Panadol dalam jumlah yang banyak disebabkan tekanan malah dirinya tidak boleh bersendirian terutamanya pada waktu malam kerana ketika itulah keresahan akan muncul. Namun begitu peserta kajian mencuba untuk menghindari perasaan ini kerana tidak sanggup untuk menanggung sakit dan sengsara. Hal ini jelas menunjukkan kesan daripada buli siber boleh menyebabkan mangsa mengalami tekanan perasaan, depresi sehingga berfikir untuk membunuh diri akibat tidak tahan daripada dibuli. Dapatan ini disokong oleh Helma Hassan (2018), dimana kajian beliau mendapati perbuatan buli siber mampu mengakibatkan tekanan mental serta tekanan emosi terhadap mangsa sehingga mendorong mangsa ke tahap untuk membunuh diri. Hasil kajian ini dapat disokong melalui penyelidikan Abdul Rashid et al. (2021), yang mendapati kemurungan yang didiagnos secara klinikal, bukanlah perasaan sedih yang biasa malah ia merupakan penyakit perubatan yang melibatkan perasaan yang berpanjangan yang boleh menjejaskan fungsi harian seseorang seperti yang digariskan oleh *Diagnostic Statistical Manual of Mental Disorder-5 (DSM-5)* iaitu gangguan mood, depresi, mudah marah, kehilangan minat atau kehilangan keseronokan dalam hampir semua aktiviti, perubahan berat badan yang signifikan atau gangguan selera makan, gangguan tidur, keresahan atau kerencatan psikomotor, keletihan, rasa diri tidak ternilai, hilang kebolehan untuk memberi tumpuan dan kerap berfikir mengenai kematian dan bunuh diri. Menurut Solehah:

Fatim: Kalau tanya pasal emosi atau perasaan awak masa kena viral tu, awak sedih, banyak diam la kan. Benda tu buat awak nangis tak?

Solehah: Okay first saya kena viral dengan cikgu. First attempt saya suicide time tu kalau saya tadak kawan saya memang terjunla sekolah tu but ada kawan saya yang macam halangla saya menangis terok sebab saya ada dalam kelas feeling dia macam taktahu nak react apa.

Fatim: Awak tertekan?

Solehah: Itu wajib ahh. Dulu saya tak realise lagi. Bila saya form 3 saya ada effect dia. $\frac{3}{4}$ bulan laa saya tak makan saya tido kejap ya kejap tak. Tengok tengok kuruslah. Hahahaha and banyak menangis waktu malam. Fikir nk mati ja, harm. Saya tak harm fizik, sebab saya takut darah. Saya harm organ.

Fatim: Dengan cara tak makan?

Solehah: Iya dan makan makanan tak elok. Air tin gas, Maggie. Memang dulu air coke tu saya sorang boleh habiskan lima minit la.

4.2.6 Kehilangan Minat dan Fokus dalam Pelajaran

Mangsa buli siber yang mengalami tekanan emosi yang serius tidak dapat menumpukan perhatian kepada pengajian mereka seterusnya mengakibatkan pencapaian akademik mereka semakin terjejas (Suleyman Akcil, 2018). Segelintir peserta menyatakan bahawa kesan buli siber menyebabkan mereka kehilangan minat dan fokus dalam pelajaran. Tekanan emosi menyebabkan peserta kajian kehilangan fokus dalam pelajaran dan menimbulkan keresahan sehingga mengganggu emosinya selama dua minggu. Ini menyebabkan peserta kajian tidak bersemangat sehingga mengabaikan tugas sekolah. Menurut Solehah:

Fatim: Pengalaman awak jadi mangsa siber buli ni kan, dia ganggu pembelajaran awak tak?

Solehah: Haahlah, sebab bila saya kena macam tu, saya tertekan. Sometimes bila kena attack dengan benda yang lepas. Mood hilang 2 minggu tu mesti choose nak pilih jadi sedih. Nak buat apa takboleh. Kerja sekolah semua tergendala. Tapi saya bangkit balik lepas seminggu and work hard la siapkan semua. Macam tula sampai sekarang.

Terdapat peserta kajian menyatakan bahawa dirinya tidak berminat untuk ke sekolah kerana ingin mengelak daripada bertemu rakan-rakan yang melakukan sindir badan terhadapnya di laman rangkaian media sosial. Bukan itu sahaja, menurut peserta kajian sindir badan ini turut berlaku secara realiti tetapi tidak serius seperti di laman rangkaian media sosial. Selain itu, kesan siber buli juga menyebabkan peserta kajian tidak dapat menumpukan perhatian semasa pengajaran dan pembelajaran serta mengakibatkan kurang bersemangat untuk belajar dan tidak dapat menumpukan perhatian terhadap pengajaran guru. Hal ini berpunca kerana peserta kajian terlalu memikirkan tentang masalah serta cara untuk menyelesaikannya sehingga berlakunya pengabaian terhadap tugas. Seperti mana yang dijelaskan dalam kajian Farhangpour et al. (2020), buli siber memberi kesan yang buruk terhadap prestasi akademik pelajar sehingga menyebabkan mangsa bertindak untuk ponteng sekolah, berhenti sekolah malah kesan buli siber menyebabkan segelintir pelajar mengalami penurunan gred akademik. Jelaslah bahawa buli siber bukan sahaja telah mempengaruhi emosi mangsa malah ia juga turut memberi kesan kepada pembelajaran kerana emosi dapat mempengaruhi tindakan dan fokus mangsa dalam sesuatu perkara. Menurut Dini dan Syaza:

Fatim: Macam mana tu?

Dini: Malas nak pegi sekolah sebab tak suka tersempak dengan depa.

Fatim: Ouhh macam tu. awak ada abaikan tugas guru tak?

Dini: Tak. Cuma saya jadi kurang fokus dalam pembelajaran dan pengajaran.

Fatim: Macam mana tak dapat fokus tu

Syaza: Bila kita dok fikir time belajaq, apa yang cikgu memang tak akan masuk. Fikir pasai menda ni macam mana nak hilang kan hal nih.

4.2.7 Berisiko Menjadi Mangsa Intipan

Pengguna media sosial khususnya remaja perempuan kini sangat gemar dalam memuat naik gambar dan maklumat peribadi masing-masing ke dalam laman rangkaian media sosial. Namun begitu, individu yang gemar melakukan aktiviti ini merupakan individu yang paling berisiko untuk menjadi mangsa jenayah siber khususnya buli siber. Kebanyakan peserta kajian menyatakan bahawa kesan daripada menjadi mangsa *sexting* dan gangguan seksual mengakibatkan mereka berasa tidak selamat untuk memuat naik gambar di laman rangkaian media sosial. Peserta kajian sedar perkongsian gambar di media sosial akan mendatangkan risiko kepada tindakan salah laku pembuli untuk menggunakan gambar tersebut bagi tujuan yang tidak baik. Selain itu, peserta kajian juga menyedari bahawa perkongsian gambar atau maklumat peribadi yang diletakkan di laman media sosial memudahkan lokasinya untuk dijejaki oleh pembuli siber. Peserta kajian menyatakan perkongsian gambar dan maklumat membolehkan pembuli siber mengetahui rupa fizikal mangsa dan hal ini mampu mengancam keselamatan individu terbabit. Menurut Syaza dan Alin:

Fatim: Selepas mengalami pengalaman itu, adakah awak berasa tidak selamat untuk memuat naik sesuatu di media sosial? Mengapa?

Syaza: Ya saya rasa tidak selamat, selepas kejadian tu saya tak berani nak up. Sebab dari situ orang boleh tengok kita dan zaman sekarang dengan gambar boleh buat macam macam.

Alin: Yaa sebab orang yang kita takkenal boleh tahu lokasi kita and boleh tahu rupa paras kita and benda tu boleh mengundang bahaya yang menyebabkan stranger tu nak cari dimana lokasi kita

4.2.8 Menyalahkan Diri Sendiri

Menyalahkan diri sendiri merupakan kesan buli siber yang dialami oleh peserta kajian. Hasil temu bual mendapati, selepas sebulan peserta kajian disisihkan, dirinya terlalu banyak berfikir (*overthinking*) mengenai kesalahannya terhadap pembuli (rakan). Peserta kajian turut merasakan bahawa dirinya adalah punca kepada perubahan sikap dan tingkah laku rakan-rakannya. Bukan itu sahaja, kesan buli siber ini juga menyebabkan peserta kajian berasa rendah diri disebabkan risau dihakimi serta menganggap rakannya tidak selesa dengan peribadinya. Perasaan untuk menjauhkan diri dari rakan-rakan juga timbul kerana peserta kajian berasa seolah-olah tidak layak untuk berkawan dan tidak rasa diperlukan ketika bersama-sama (*sense of belonging*). Dapatan ini dapat disokong oleh kajian Amin Al-Haadi (seperti dirujuk oleh Suriana dan Khadijah Alavi, 2018) menyatakan kesan jangka panjang kejadian buli siber ini kepada mangsa adalah meliputi pembelajaran, sosial dan emosi.

Seterusnya mangsa juga sering menyalahkan diri dan sering beranggapan gangguan buli siber adalah kesilapan dan kelemahan berpunca daripada diri mangsa. Tanggapan ini akan memberi kesan kepada harga diri mangsa dan seterusnya menyebabkan mangsa mengalami tekanan dalam hidup dan berkemungkinan akan mengalami kesan yang lebih serius. Menurut Yana:

Fatim: Banyak kali ka depa buat macamtu? Selain pulaukan atwak dalam group ada lagi tak benda lain yang depa buat?

Yana: Dekat sebulan depa palau saya. Depa pulau saya ja chat pun tak reply. Sebulan tu jugak saya overthinking pikiaq apa salah saya buat kat depa. Lepas tu sebulan tu depa mai chat macam biasa ja macam takdak benda jadi. Saya tanya depa pasai ni tapi depa tak jawab pun. Sampai lani saya taktau sebab apa depa buat lagutu. Mungkin saya la yang bermasalah kot.

Yana: Saya rasa saya makin tak confident untuk jadi diri sendiri sebab saya rasa macam orang judge saya. Saya selalu anggap kawan kawan tak selesa dengan personaliti saya.

5. Perbincangan

Sebagaimana yang dibincangkan dalam artikel ini, fenomena buli siber merupakan satu bentuk jenayah yang sangat serius sehingga memberi kesan terhadap mangsa seperti bunuh diri dan ia harus diberi perhatian khusus oleh semua pihak. Justeru itu, langkah proaktif berkaitan jenayah buli siber ini perlu dilaksanakan sejajar dengan jenayah siber yang lain. Umumnya buli siber tidak akan berlaku sekiranya mangsa mempunyai kesedaran mengenai keselamatan siber. Kajian ini mendapati kebanyakan remaja menerima komen dan perkataan berunsur cacian di laman rangkaian media sosial peribadi mereka. Jadi sebagai pengguna tindakan awal untuk tidak membuka peluang kepada pembuli siber, mereka disarankan tidak berkongsi maklumat peribadi, tidak berkongsi gambar atau video yang boleh mencetuskan provokasi di laman rangkaian media sosial, menyekat pembuli (*block*) dan menutup ruangan komen. Penetapan mode privasi dalam laman rangkaian media sosial juga merupakan tindakan yang boleh dilakukan oleh golongan remaja bagi mengelak daripada menjadi sasaran pembuli siber. Kajian Safiek Mokhlis (2019), turut menjelaskan bahawa kawalan sendiri remaja sangat penting bagi menentukan sejauh mana buli dapat dihindari.

5.1 Peranan Ibu Bapa

Peranan ibu bapa amat penting dalam menangani masalah buli siber dalam kalangan remaja. Dapatan kajian ini mendapati bahawa risiko untuk individu menjadi mangsa buli siber adalah apabila kurang pemantauan daripada ibu bapa atau penjaga memandangkan setiap daripada peserta kajian mempunyai telefon pintar peribadi yang memudahkan mereka mengakses internet dan laman rangkaian media sosial secara bebas.

Jadi, ibu bapa disarankan supaya memantau aktiviti anak-anak seperti penggunaan kamera web, penggunaan laman web yang tidak sesuai, rakan maya mereka, aplikasi dan laman rangkaian media sosial yang sering digunakan di samping mengawal had masa penggunaannya. Pengaktifan ciri kawalan ibu bapa atau *parental control* di peranti elektronik merupakan salah satu cara untuk ibu bapa memantau aktiviti anak-anak. Hal ini juga turut dinyatakan dalam kajian Yatiman Karsodikromo et al. (2020), iaitu pemantauan berterusan penggunaan telefon bimbit perlu dilakukan oleh ibu bapa. Ketidaksantunan bahasa atau penggunaan bahasa yang mengaibkan boleh dilihat berdasarkan hasil kajian ini. Kebanyakan daripada peserta kajian mengatakan mereka menerima komen berbentuk hinaan terhadap rupa paras, bentuk badan dan pemakaian sehingga ia memberi kesan terhadap keyakinan diri mangsa. Oleh hal yang demikian, ibu bapa berperanan dalam mendidik anak-anak untuk menjaga adab dan penulisan ketika menggunakan laman rangkaian media sosial supaya tidak menyinggung perasaan pengguna lain.

Ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka seiring dengan perkembangan teknologi, dalam erti kata lain setiap ibu bapa perlu mempunyai ilmu mengenai keselamatan siber seperti mendidik mereka untuk merahsiakan kata laluan serta maklumat peribadi di alam siber. Seterusnya, apabila remaja meningkat dewasa, ibu bapa digalakkan untuk berkomunikasi dan menasihati mereka mengenai ancaman buli siber serta mengekalkan hubungan positif antara ibu bapa dan anak-anak supaya mereka mempunyai keyakinan untuk berkongsi masalah mereka.

5.2 Peranan Rakan Sebaya

Sokongan sosial amat penting dalam kehidupan manusia. Setiap daripada manusia pasti mempunyai sokongan sosial untuk membantu mereka khususnya dari segi emosi dan psikologi. Dalam konteks kajian ini yang memfokuskan kepada remaja perempuan yang pernah menjadi mangsa buli siber, sokongan sosial amat penting bagi mereka mengawal emosi untuk mengelakkan daripada mereka bertindak luar dari kawalan. Menurut Smith et al. (2008), mangsa buli siber cenderung untuk lebih mempercayai rakan sebaya berbanding golongan lain. Hasil kajian ini mendapati bahawa daripada 71 kes, 43.7% pelajar menyatakan mereka tidak memberitahu sesiapa tentang kejadian buli siber manakala kebanyakan mangsa memilih untuk mengadu kepada rakan-rakan 26.8% berbanding ibu bapa atau penjaga 15.5%. Hanya sebilangan kecil sahaja mangsa buli yang memberitahu guru kelas (8.5%) atau orang dewasa lain di sekolah (8.5%) atau orang lain (1.4%). Sehubungan dengan itu, peranan rakan sebaya amat penting dalam membantu mangsa dalam mengurangkan tekanan daripada masalah yang dihadapi. Program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) merupakan satu program yang perlu diwujudkan di setiap sekolah di Malaysia bagi membantu guru dalam menangani isu buli siber dalam kalangan remaja. Menerusi program ini, ahli PRS boleh bertindak sebagai pemerhati dan pendengar di samping memberi sokongan dan galakan kepada rakan mereka supaya mendapatkan bantuan profesional sekiranya masalah ini semakin serius.

Dalam kajian Abaido (2020), rakan sebaya mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perkembangan emosi, tingkah laku dan afektif belia serta boleh membantu mengurangkan tahap kebimbangan yang berkaitan dengan buli siber malah rakan sebaya boleh membantu mangsa buli siber dengan memberikan perlindungan dan nasihat untuk menanganinya. Berdasarkan dapatan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa rakan sebaya amat diperlukan oleh mangsa buli siber untuk mendengar luahan dan menyokong mereka bagi mengawal emosi dan tekanan. .

5.3 Peranan Kerajaan

Dapatan kajian mendapati terdapat pelbagai bentuk ancaman buli siber yang dihadapi oleh golongan remaja seperti hasutan maya, gangguan seksual, *sexual grooming* dan sebagainya. Justeru itu, penggubalan akta yang sesuai berkaitan buli siber merupakan cadangan yang perlu diambil berat oleh pihak kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana, walaupun undang-undang siber sudah diwujudkan namun keperluan untuk melaksanakan akta khas berkaitan buli siber serta hukuman atau denda yang tegas diperlukan bagi memberi kesedaran awam kepada masyarakat untuk menjaga sikap dan batas semasa melayari internet. Perkara ini turut dibincangkan dalam kajian Nurulhuda et al. (2021), di mana tiada peruntukan undang-undang mengenai buli siber dalam Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 dan Akta Jenayah Komputer 1997. Kebergantungan mengenai kes ini hanyalah tertumpu kepada badan berkuasa misalnya CyberSecurity Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dan Polis Diraja Malaysia untuk membanteras jenayah siber. Oleh hal demikian, penggubalan akta khas berkenaan buli siber perlu diwujudkan. Selain itu, pihak kerajaan juga seharusnya lebih giat dalam mengadakan kempen kesedaran mengenai buli siber di samping mempromosikan talian bantuan yang boleh membantu mangsa buli siber membuat aduan. Perkara ini turut dinyatakan dalam kajian Muhammad Adnan dan Siti Zobidah (2019), di mana bahagian advokasi dan jangkauan dalam SKMM yang berperanan dalam memberi kesedaran mengenai keselamatan siber kepada pengguna internet serta menguruskan dan memberi tunjuk ajar mengenai cara membuat laporan dan aduan keselamatan siber dapat membantu mengurangkan tahap keseriusan jenayah buli siber.

Seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seharusnya lebih peka isu berkaitan buli siber dalam kalangan pelajar sekolah khususnya pelajar sekolah menengah. Lantaran itu KPM disarankan untuk menyediakan satu modul khas berkaitan keselamatan siber seperti cara penggunaan komputer dengan selamat, mendidik cara melindungi data dan maklumat peribadi dan sebagainya dalam kelas komputer di mana ia mewajibkan semua pelajar. Perkara ini turut dinyatakan dalam kajian Md Noor dan Mapatan (2020), iaitu kelas komputer juga haruslah diwajibkan di semua sekolah untuk mengajar pelajar tentang pengetahuan komputer serta internet di samping menjelaskan langkah untuk mengelakkan diri pelajar daripada menjadi mangsa jenayah siber.

5.4 Peranan Guru

Institusi pendidikan seperti sekolah seharusnya lebih giat dalam memperkenalkan kepada pelajar mengenai ancaman buli siber. Justeru itu, pelaksanaan kempen kesedaran menjadi satu platform untuk pelajar mengetahui dengan jelas mengenai buli siber, kesan buli siber serta langkah yang harus diambil oleh pelajar sekiranya menghadapi situasi ini. Menurut Safiek Mokhlis (2019), program-program intervensi berasaskan sekolah yang boleh dijalankan adalah seperti mengadakan tayangan video mengenai buli siber dan ceramah secara berkala bagi mendedahkan pelajar kepada keselamatan dalam talian dan etika penggunaan media sosial.

Seterusnya, hasil kajian mendapati hilang kepercayaan terhadap guru merupakan punca utama peserta kajian tidak melaporkan insiden buli yang dialami olehnya. Jadi sebagai seorang guru khususnya guru kaunselor seharusnya lebih professional seperti merahsiakan masalah pelajar serta bijak berkomunikasi dengan mereka. Selain itu, dapatan kajian mendapati pembuli merupakan rakan sebaya atau kenalan mangsa di sekolah. Justeru itu kaunselor dan guru disiplin disarankan untuk berkejasama dengan pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk membincangkan isu buli siber yang melibatkan anak-anak mereka. Dengan cara ini, guru dapat memaklumkan dan berbincang perkara ini sekiranya ia melibatkan anak-anak mereka. Melakukan pemantauan dan tindakan seperti menasihati mangsa dan pembuli atau tindakan disiplin seperti merampas telefon pintar, menggantung persekolahan atau menukar sekolah terhadap pembul menjadikan pelajar sentiasa berhati-hati dalam melakukan tindakan buli atau buli siber.

6. Kesimpulan

Buli siber merupakan salah satu jenayah siber yang wujud seiring dengan perkembangan teknologi dan ia amat membimbangkan. Terdapat kepentingan bagi isu ini untuk dikaji bagi mengurangkan ia berlaku secara berterusan. Melalui kajian ini, tindakan awal ibu bapa amat penting seperti melakukan pendedahan awal mengenai buli siber serta sentiasa mengawasi kegiatan anak-anak mereka bagi menyekat risiko daripada menjadi mangsa buli siber. Seterusnya kajian ini juga memberi implikasi kepada rakan sebaya misalnya mereka boleh berperanan sebagai pendengar yang baik atau memberikan nasihat kepada mangsa. Hal ini kerana, remaja umumnya lebih mudah untuk menerima nasihat daripada rakan sebaya kerana mereka mempunyai pahaman yang kuat antara satu sama lain berikutan berada dalam lingkungan umur yang sama. Manakala tindakan awal dari pihak berwajib khususnya sekolah dan kerajaan juga amat diperlukan seperti melaksanakan kempen kesedaran buli siber atau mewujudkan undang-undang jenayah buli siber bagi menjaga kesejahteraan hidup golongan remaja. Secara umumnya, kajian ini dapat mendedahkan pengetahuan kepada masyarakat mengenai buli siber terutamanya jenis, faktor, kesan dan cadangan langkah untuk mengatasi buli siber kerana kebanyakan masyarakat dilihat masih kurang kesedaran tentang isu ini.

Bagi mereka buli siber merupakan senario normal yang berlaku dalam dunia siber. Kajian ini juga dapat membantu dan mendedahkan maklumat kepada ibu bapa, sekolah dan kerajaan agar lebih cakna dan prihatin mengenai ancaman buli siber terhadap golongan remaja.

Melalui kajian ini, terdapat beberapa limitasi yang dikenalpasti seperti sumber untuk mengumpul data. Hal ini dikatakan demikian kerana jumlah sampel kajian yang diperoleh adalah kecil oleh itu maklumat yang dikumpul adalah kurang meluas. Kekangan masa serta kesukaran untuk berkomunikasi dengan mangsa disebabkan temu bual dijalankan secara atas talian menyebabkan maklumat yang diperoleh tidak mendalam bahkan kebanyakan daripada mangsa malu untuk berkongsi pengalaman di buli kerana menganggap ianya perkara yang mengaibkan mereka. Seterusnya sumber rujukan yang memfokuskan kepada jenayah buli siber di dalam negara Malaysia juga amat terhad kerana kebanyakannya memfokuskan kepada skop kajian yang lebih luas seperti jenayah siber. Terdapat beberapa cadangan kajian yang boleh dilakukan pada masa hadapan seperti melakukan kajian mengenai faktor dalaman yang mendorong individu menjadi mangsa dan pembuli yang melibatkan personaliti, emosi, persekitaran, hubungan dengan masyarakat dengan lebih mendalam. Pengkaji seterusnya dicadangkan untuk melakukan kajian yang melibatkan peserta kajian yang terdiri daripada peringkat umur dan jantina yang berbeza bagi melihat perbezaan antara jenis atau kesan yang dialami. Kesimpulannya, kajian mengenai buli siber perlu diperbanyakkan di negara Malaysia. Sekiranya isu ini tidak dikaji samada dari segi faktor dan kesan hal ini menyebabkan berlakunya kesukaran untuk pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan bagi mengekang penularan fenomena sebegini yang sememangnya dapat menggugat keharmonian dan kesejahteraan hidup masyarakat.

7. Penghargaan

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam kajian ini secara langsung mahupun tidak langsung.

Sumbangan Penulis:

Fatim Alia Mohd Noor: Pengumpulan data, penulisan draf, penyeliaan, semakan dan penyuntingan.

Konflik Kepentingan: Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Penyataan Ketersediaan Data:

Penulis mengesahkan bahawa data yang menyokong dapatan kajian ini tersedia dalam artikel ini.

8. RUJUKAN

- Abaido, G. M. (2020). Cyberbullying on social media platforms among university students in the United Arab Emirates. *International Journal of Adolescence and Youth*, 25(1), 407–420. <https://doi.org/10.1080/02673843.2019.1669059>
- Abdul Rashid, A. A., Kasmani, M. F., & Ab Razak, N. H. (2021). Implikasi ketagihan media sosial terhadap kesihatan mental remaja semasa pandemik Covid-19. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(8), 66–81.
- Ahmad Razali, N., Nawang, N. I., Mohamad, S. N. A. S. N., & Abdul Ghani, F. (2021). Buli siber dikalangan kanak-kanak di Malaysia: Satu tinjauan undang-undang. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(1), 23–29. [PDF file]
- Akcil, S. (2018). Cyberbullying-victimization, acculturative stress and depression among international college students [Master's thesis, Kent State University].
- Aoyama, I., Saxon, T. F., & Fearon, D. D. (2010). Internalizing problems among cyberbullying victims and moderator effects of friendship quality. *Multicultural Education & Technology Journal*, 5(2), 92–105. <https://doi.org/10.1108/17504971111142637>
- Ariffin, H. (2019). Bahasa kurang sopan ubah cara komunikasi remaja masa kini. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/57798/KHAS/Pendapat/Bahasa-kurang-sopan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>
- Asmidar, A., Rashid, Z., Kamaluddin, M. R., Wahab, S., Abdul Aziz, D. A., Abdul Latiff, Z., & Rathakrishnan, B. (2018). Kerentanan kanak-kanak Malaysia terhadap pengantunan seksual dalam talian. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 91–108. <https://doi.org/10.32890/jps2022.25.7>
- Balakrishnan, V. (2015). Cyberbullying among young adults in Malaysia: The roles of gender, age and internet frequency. *Computers in Human Behavior*, 46, 149–157. <https://doi.org/10.1016/j.chb.2015.01.021>
- Berita Harian. (2022). Kes buli siber bukti masyarakat hilang adab. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/08/984147/kes-buli-siber-bukti-masyarakat-hilang-adab>
- Brandau, M., & Davis, M. E. (2018). "I need someone": Adolescent victims' reflections on cyberbullying. *Journal of Nursing and Health Care*.
- Cankaya, I. H., & Tan, C. (2011). Effect of cyber bullying on the distrust levels of preservice teachers: Considering internet addiction as a mediating variable. *Procedia Computer Science*, 3, 1353–1360. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2011.01.015>
- Che Awang, S., & Alavi, K. (2019). Buli siber: Impak emosi dalam kalangan pelajar UKM. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 1(4), 83–94. <https://doi.org/10.46754/umtjur.v1i4.95>
- Cheng, J. Y., Ayob, Z., Anawar, S., Othman, N. F., & Zainudin. (2021). Slangs and short forms of Malay Twitter sentiment analysis using supervised machine learning. *IJCSNS International Journal of Computer Science and Network Security*, 21(11), 294–300. <https://www.koreascience.or.kr/article/JAKO202105254925205.pdf>

- Craven, S., Brown, S., & Gilchrist, E. (2007). Current responses to sexual grooming: Implication for prevention. *The Howard Journal*, 46(1), 60–71. <https://doi.org/10.1111/j.1468-2311.2007.00454.x>
- Farhangpour, P., Maluleke, C., & Mutshaeni, H. N. (2020). Emotional and academic effects of cyberbullying on students in a rural high school in the Limpopo province, South Africa. *International Journal of Research in Business and Social Science*, 21(1), 1–8. <https://doi.org/10.4102/sajim.v21i1.925>
- Gennaro, V., & Jeffrey, R. (2015). *Criminology: Theory, research and policy* (4th ed.). Jones & Bartlett Learning.
- Goebert, D., Else, I., Matsu, C., Chung, J. D., & Chang, J. Y. (2011). The impact of cyberbullying on substance use and mental health in a multiethnic sample. *Maternal and Child Health Journal*, 15(8), 1282–1286. <https://doi.org/10.1007/s10995-010-0672-x>
- Hamid, N. A., & Pitchan, M. A. (2019). Faktor pendedahan maklumat diri di Twitter dan implikasi terhadap golongan pelajar. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(1), 47–53. <https://doi.org/10.17576/personalia.2201.2019.08>
- Hamin, Z., & Wan Rosli, W. R. (2018). Cloaked by cyber space: A legal response to the risks of cyber stalking in Malaysia. *International Journal of Cyber Criminology*, 12(1), 316–332.
- Hassan, H. (2018). Buli siber di Malaysia. *Buletin Kesihatan*, 1–7.
- Karsodikromo, Y., Husin, M. R., Razali, A. R., & Hamzah, H. (2020). Buli siber dalam kalangan murid sekolah menengah di daerah Samarahan, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 13(2), 38–47. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol13.2.4.2020>
- Kloess, J. A., Hamilton-Giachritsis, C. E., & Beech, A. R. (2019). Offense processes of online sexual grooming and abuse of children via internet communication platforms. *Sex Abuse*, 31(1), 73–96. <https://doi.org/10.1177/1079063217720927>
- Lai, C. S., Mohaffzya, M., Lee, M. F., Salleh, K., Sulaiman, N. L., Rosli, D. I., & Chang, W. V. S. (2016). Cyberbullying among Malaysian youth. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 15, 121–134.
- Meerangani, K. A., Abdul Hamid, M. F., Ibrahim, A. F., & Mat Johar, M. H. (2021). Keterdedahan wanita terhadap risiko buli siber dalam media digital semasa penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal 'Ulwan*, 6(2), 10–21. <https://doi.org/10.55057/jdpd.2021.3.4.7>
- Moh Nasir, M. A., & Mohd Rosdi, N. F. (2020). Gangguan seksual di media sosial dalam kalangan remaja perempuan: Satu tinjauan. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 23, 5–14. <https://doi.org/10.56390/apjys2024.23.1>
- Mohamed Mokhtar, M. M., & Hassan, H. (2021). Pengaruh faktor persepsi negatif dan budaya tular terhadap buli siber di media sosial dalam kalangan pelajar dan golongan muda. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 1(11), 16–36. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i1.6662>
- Mokhlis, S. (2019). Buli siber dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu penerokaan awal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(2), 7–18. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol13.2.4.2020>

- Morrissey, L. (2010). Trolling is a art: Towards a schematic classification of intention in internet trolling. *Griffith Working Papers in Pragmatics and Intercultural Communication*, 3(2), 75–82.
- Muharam, R. (2022). Kurang empati antara punca remaja terbabit buli siber. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/01/800714/kurang-empati-antara-punca-remaja-terbabit-buli-siber>
- National Health and Morbidity Survey (NHMS). (2017). *Key findings from the adolescent health and nutrition surveys* [Infographic Booklet].
- Noll, H. (2016). Cyberbullying: Impacting today's youth.
- Patchin, J. W., & Hinduja, S. (2010). Bullying, cyberbullying, and suicide. *Archives of Suicide Research*, 14(3), 206–221. <https://scihub.hkvisa.net/https://doi.org/10.1080/13811118.2010.494133>
- Patchin, J. W., & Hinduja, S. (2019). The nature and extent of sexting among a national sample of middle and high school students in the U.S. *Archives of Sexual Behaviour*, 48(8), 2333–2343. <https://doi.org/10.1007/s10508-019-1449-y>
- Perry, J. (2012, November). *Digital stalking: A guide to technology risks for victims*. Network for Surviving Stalking and Women's Aid.
- Pitchan, M. A., & Omar, S. Z. (2019). Dasar keselamatan siber Malaysia: Tinjauan terhadap kesedaran netizen dan undang-undang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(1), 103–119. <https://doi.org/10.17576/jkmjc-2019-3501-08>
- Ramli, M. A., & Nadia Salwa. (2019). Analisis budaya troll menurut perspektif hukum Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(1), 220–238. <https://doi.org/10.22373/sjhk.v3i2.4395>
- Saper, M. N., & Sudin, M. (2020). Buli siber dalam kalangan remaja Malaysia. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Kaunseling Islam (SAKI)*. Persatuan Kaunseling Syarie.
- Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(6), 1–6. <https://doi.org/10.22452/jpmm.vol25no1.4>
- Simon, S. (2017). Cyber victimization: School experience of Malaysian cyberbullied teenagers. *International Scholarly and Scientific Research & Innovation*, 11(3), 713–720.
- Smith, P. K., Mahdavi, J., Carvalho, M., Fisher, S., Russell, S., & Tippett, N. (2008). Cyberbullying: Its nature and impact in secondary school pupils. *The Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 49(4), 376–385. <https://doi.org/10.1111/j.1469-7610.2007.01846.x>
- Solehah, N., & Zakiah. (2019). Kesan penggunaan media sosial terhadap tingkah laku pelajar. *Seminar Teknologi Multimedia & Komunikasi 2019*. <https://core.ac.uk/download/pdf/286381352.pdf>
- Thai, T. T., Duong, M. H. T., Vo, D. K., Dang, N. T. T., Huynh, Q. N. H., & Tran, H. G. N. (2022). Cyber-victimization and its association with depression among Vietnamese adolescents. *PeerJ*, 10, eXXXXX. <https://doi.org/10.7717/peerj.12907>

- Varjas, K., Talley, J., Meyers, J., Parris, L., & Cutts, H. (2010). High school students' perceptions of motivations for cyberbullying: An exploratory study. *Western Journal of Emergency Medicine*, 11(3), 269–273. <https://doi.org/10.5811/westjem.2014.4.20725>
- Wan Embong, W. H., Yaacob, Z., Heriza, Z., Abidin, M., & Farisah. (2015). Kajian tinjauan buli siber di kalangan mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia. In *Seminar Sains dan Ketamadunan*. Johor Bahru, Johor, 12 Mei 2015. <https://doi.org/10.7187/gjat122023-7>
- Zhong, J., Zheng, Y., Huang, X., Mo, D., Gong, J., Li, M., & Huang, J. (2021). Study of the influencing factors of cyberbullying among Chinese college students incorporated with digital citizenship: From the perspective of individual students. *Frontiers in Psychology*, 12, 1–16. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.621418>
- Zhu, C., Huang, S., Evans, R., & Zhang, W. (2021). Cyberbullying among adolescents and children: A comprehensive review of the global situation, risk factors, and preventive measures. *Frontiers in Public Health*, 9, 1–12. <https://doi.org/10.3389/fpubh.2021.634909>